

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

SEJARAH PERKEMBANGAN PARTI-PARTI POLITIK  
BUMIPUTERA DI SABAH (1961 - 1963)

Oleh

FAIMIN KAMIN

Penyelia

ENCIK LEONG YEE FONG

Latihan Ilmiah Ini Adalah Untuk Memenuhi  
Sebahagian Daripada Syarat-syarat Peng-  
ijahzahan Sarjana Muda Sastera dengan  
Kepujian (B.A. Hons)

Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
1985/86

Untuk,

kedua ibu bapa  
keluarga  
dan mereka yang telah  
banyak berkorban  
untukku.

## DAFTAR KANDUNGAN

Isi Kandungan	Muka Surat
Penghargaan	i
Prakata	iii
Senarai Kependekan	vi
Peta Sabah dan Sarawak	vii
<u>Bab</u>	
1. Latar Belakang Sejarah Sabah Secara Umum	1
II. Munculnya Parti-parti Politik Di Sabah	16
III. Pilihanraya Pertama 1962 dan 1967	36
IV. Sabah dan Nasionalismenya	62
V. Penilaian dan Kesimpulan	76
Bibliografi	81
<u>Lampiran</u>	
A. Legal Meaning of the Term 'Native'	85
B. Syarat Kewarganegaraan	87
C. Kelayakan Untuk Menjadi Seorang Pengundi	89
D. Sabah - Pelan Bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri	90
<u>Ilustrasi</u>	
a. Donald Stephens (Tun Fuad Stephens)	33
b. Datu Mustapha bin Datu Harun	34
c. Proklamasi Malaysia	35

### PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Leong Yee Fong selaku penyelia Latihan Ilmiah ini, atas dorongan dan bimbingan beliau sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Disamping itu, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Penasihat Akedemik Saya iaitu Dr. Paul H. Kratoska yang telah memberikan nasihat-nasihat yang berguna. Saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah di Bahagian Sejarah terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng, Prof. Madya Dr. R. Suntharalingam, Dr. J.S. Sidhu, Dr. Yuen Choy Leng dan En. Fadhullah Jamil kerana mendapat manfaat dari kuliah-kuliah yang telah diberikan.

Penyelidikan untuk kajian ini dibuat dengan bantuan serta kerjasama Yayasan Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan USM serta Arkib dan Muzium Negeri Sabah. Selain dari itu, saya juga mendapat bantuan dari orang perseorangan yang sudi meluangkan masa untuk ditemubual. Kepada semua pihak yang terlibat dia atas, saya ucapkan terima kasih.

Kepada rakan-rakan Pengkhususan Sejarah di USM,  
saya juga tidak lupa menyatakan penghargaan dan terima kasih  
kerana telah memberi bantuan dan sokongan moral/material.  
Penghargaan ikhlas juga saya tujukan kepada Siti Fatimah  
Mohamad diatas segala kebaikan dan sumbangan yang telah diberi-  
kan.

Faimin Kamin  
Bahagian Sejarah  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.

15 Februari 1986.

## PRAKATA

Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengkaji perkembangan parti-parti politik bumiputera sejak munculnya kegiatan parti-parti politik bumiputera di Sabah. Ruang masa kajian adalah sehingga tahun 1963. Walau bagaimanapun didalam penulisan ini, perbincangan tidaklah terhad setakat tahun 1963 tetapi juga melampaui sehingga tahun 1967. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana Pilihanraya Umum Negeri Sabah yang pertama hanya diadakan pada tahun 1967.

Disamping mengkaji perkembangan parti-parti politik bumiputera di Sabah, penulisan ini juga cuba melihat kedudukan nasionalisme di Sabah selaras dengan perkembangan parti-parti politik tersebut.

Di dalam bab pertama, saya telah memaparkan secara ringkas latar belakang sejarah politik, Pentadbiran Chartered Company, penduduk, agama, pelajaran dan perkerjaan sebagai gambaran umum mengenai negeri Sabah kerana kefahaman seumpama ini adalah berguna untuk meneliti bab-bab seterusnya.

Di dalam bab kedua, tumpuan perbincangan adalah mengenai kebangkitan parti-parti politik secara am. Kemudian selepas itu kajian yang lebih terperinci mengenai kemunculan, kegiatan dan asas perjuangan setiap parti bumiputera khasnya turut dibuat didalam bab ini.

Manakala di dalam bab ketiga, perbincangan lebih ditumpukan kepada peristiwa Pilihanraya Peringkat Majlis Daerah/